



Tel. No. : (673) - 2451979 / 80 / 81
Faks No. : (673) - 2424775
E-mail : info_ltd@jpd.gov.bn

جباتن فثعكوتن دارت
كمنترين فثعكوتن دان اينفوكومونيكاسي

**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Kampung Mata-Mata,
Gadong BE1710,
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh: 14 Sya'ban 1443
17 Mac 2022

Rujukan kami: JPD/5.7

**SURAT PEMBERITAHUAN
BILANGAN : 5/2022
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam

Pengiran/ Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGESAHAN LESEN KENDERAAN (ROAD TAX)
MELALUI APLIKASI TransportBN DAN LAMAN SESAWANG
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT**

Dengan hormatnya sukacita merujuk siaran media Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Mengenai Pengemaskinian Perkhidmatan-Perkhidmatan Membaharu Lesen Kenderaan (Road Tax) dan Lesen Memandu bertarikh 17 Jamadilawal 1443 bersamaan 22 Disember 2021.

2. Sehubungan itu, sukacita menarik perhatian mengenai dengan permohonan untuk mendapatkan elaun dari rumah ke pejabat dan permohonan tuntutan elaun hitungan kilometer yang memerlukan pengesahan ke atas tempoh sah Lesen Kenderaan (Road Tax) pemohon adalah masih sah tempohnya. Dalam hubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengiran/ Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan bolehlah menggunakan Aplikasi mudah alih TransportBN ataupun melalui laman sesawang JPD <http://jpd.gov.bn/lesen> bagi mengetahui tempoh sah Lesen Kenderaan (Road Tax) bagi permohonan tersebut.

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian pihak Pengiran/ Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenainya jua.

"Berjimat Menggunakan Air Tanggungjawab Bersama"

Dengan hormatnya

[]
[RIDZUAN ELIAS AHMAD]

Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat

s.k Timbalan Pengarah Pengangkutan Darat
JPD/1.2/6 Pt.6

